



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEP)  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**PROSEDUR PENGAJARAN RUMUSAN PETIKAN MENENGAH  
ATAS DALAM KALANGAN GURU SANDARAN TIDAK  
TERLATIH (GSTT) MAAHAD KAWALAN, KELANTAN**

**TEACHING PROCEDURES FOR SUMMARY OF UPPER SECONDARY AMONG  
UNTRAINED TEACHERS (GSTT) IN MAAHAD KAWALAN, KELANTAN**

Mohd Shafie Mohamad<sup>1</sup>, Rozita Radhiah Said<sup>2\*</sup>, Azhar Md. Sabil<sup>3</sup>, Mohd Mursyid Arshad<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia  
Email : Gs55326@student.upm.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia  
Email : Radhiahrozita@upm.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia  
Email: azhar.sabil@upm.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia  
Email: azizanas@upm.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 06.06.2021

Revised date: 27.07.2021

Accepted date: 08.08.2021

Published date: 05.09.2021

**To cite this document:**

Mohamad, M. S., Said, R. R., Md. Sabil, A., & Arshad, M. M. (2021). Prosedur Pengajaran Rumusan Petikan Menengah Atas Dalam Kalangan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) Maahad Kawalan, Kelantan. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (42), 168-187.

**DOI:** 10.35631/IJEP.642014.

**Abstrak:**

Sukatan baharu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dibangunkan untuk mengantikan sukanan yang lama bertujuan meningkat kebolehan murid bersaing di peringkat global. Sukanan ini mula digunakan di seluruh sekolah untuk menengah atas bermula sepenuhnya pada sesi persekolahan 2021. Justeru, Kajian ini diajalankan bertujuan untuk melihat prosedur pengajaran Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) mengajar rumusan petikan bahagian C mengikut format pentaksiran berpandukan sukanan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (DSKP-KSSM). Selain itu, kajian ini juga meninjau penulisan perancangan pengajaran rumusan dalam Buku Persediaan Mengajar (BPM) mengikut prosedur yang ditetapkan dalam kalangan GSTT di Maahad Kawalan negeri Kelantan. Berdasarkan tinjauan awal yang dibuat pengkaji mendapat kelemahan dalam prosedur pengajaran merumus petikan dan penulisan perancangan pengajaran beberapa bahagian dalam Buku Persediaan Mengajar. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif berbentuk kajian kes dengan instrumen temu bual, perhatian dan analisis dokumen serta Teori Pembelajaran Penerimaan David Ausubel sebagai asas kajian. Selain itu, kajian ini dijalankan ke atas 2 orang peserta kajian dalam kalangan GSTT yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat di Maahad Kawalan. Dapatkan kajian menunjukkan

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



GSTTA (A) dan GSTT (B) tidak melengkapkan sesi pengajaran rumusan dalam dua sesi pemerhatian yang dijalankan menggunakan borang senarai semak. Pengkaji dapat menjelaskan bahawa GSTT lemah dalam prosedur pengajaran petikan rumusan mengikut Sukatan Pelajaran yang telah disusun dalam format pentaksiran DSKP – KSSM Bahasa Melayu untuk soalan bahagian C. Selain itu, Pengkaji mendapati, penulisan Buku Persediaan Mengajar (BPM) dalam kalanngan GSTT tidak mengikut RPT Bahasa Melayu dan cara penulisan kurang jelas terutama pada bahagian objektif, aktiviti dan impak pengajaran setalah diukur menggunakan borang penskoran SKPMg2. Implikasi kajian ini ialah, calon GSTT yang dilantik perlulah diberi pendedahan dan kursus tentang sukanata mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, kursus dan latihan kemahiran menulis BPM perlu diberikan terlebih dahulu kepada GSTT supaya mereka mendapat pendedahan dan kemahiran menulis BPM yang tepat.

#### Kata Kunci:

Pengajaran, Perancangan, Rumusan Petikan, Guru Sandaran Tidak Terlatih, Buku Persediaan Menagajar

#### Abstract:

The Secondary School Standard Kurikulum (KSSM) new syllabus is being developed to look forward to the ability of students to compete at the global level. This syllabus is being used in all secondary schools starting fully at the 2021 school session. Therefore, the aims of this study are to look at the teaching procedures of untrained teachers (GSTT), teaching summary (Section C) according to the format of the Secondary School Standard Curriculum (DSKP-KSSM). In addition, this study will also look at how untrained teachers (GSTT) write their lesson plans in the Teaching Preparation Book (BPM) based on the guidelines set out by Maahad Kawalan to their untrained teacher (GSTT) in Kelantan. Based on a study conducted, the researcher found that there were weaknesses in their process of teaching summary and writing lessons in some items in the Teaching Preparatory Book (BPM). This study used a qualitative methodology in the form of a case study with the instruments of the interview, observation, and document analysis, as well as David Ausubel's Meaningful Learning Theory as the basis of the study. In addition, the study was conducted on 2 teachers who are teaching Bahasa Melayu for form 4 in Maahad Kawalan. The results of the study showed that the untrained teachers GSTT (A) and GSTT (B) did not complete the lesson summary based on two observations conducted using the checklist form. The researcher found that the untrained teachers (GSTT) were weak in the process of teaching summary in accordance with the Syllabus which has been prepared in the DSKP - KSSM Assessment format for summary (Section C). In addition, when the researchers refer to the items in the SKPMg2 form, they noticed that the untrained teachers (GSTT) did not write the lesson according to Bahasa Melayu Yearly Lesson Plan and had unclear writing regarding objectives, activities, and reflection in their Teaching Preparation Book (BPM). The implication of this study is that untrained teachers need to undergo training courses for the Bahasa Melayu curriculum. In addition, writing skills and training course courses for writing lessons should be given in advance to untrained teachers (GSTT), so that they can plan and write their lessons correctly.

#### Keywords:

Lesson, Plan, Summary, Untrained Teachers, Teaching Preparation Book

## Pengenalan

Merumus petikan merupakan bahagian soalan yang wajib dijawab oleh murid untuk memperoleh markah cemerlang Bahasa Melayu Kertas Dua. Soalan ini dibina dalam bahagian C untuk menguji keupayaan murid menguasai kemahiran menulis berdasarkan Standard Asas dalam Dokumen Penjajaran Kurikulum Edisi 2 iaitu, menulis untuk melengkapai maklumat dalam pelbagai bahan (3.3), serta memenuhi Kandungan Asas iaitu perkara (3.3.1). Soalan bahagian ini memerlukan 30 markah mengikut format pemarkahan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Justeru, dalam pengajaran merumus petikan guru perlu menguasai terlebih dahulu kefahaman tentang format pentaksiran sebagai langkah pengajaran yang berkesan. Pemarkahan soalan bahagian C dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu menulis pendahuluan, menulis lapan isi tersurat dan menulis kesimpulan. Oleh itu, penguasaan dan kemahiran pengajaran dalam kalangan guru bahasa Melayu penting terutama dalam menerangkan langkah demi langkah menulis rumusan yang lengkap mengikut format yang telah ditetapkan dan diselaraskan mengikut Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Bahasa Melayu (DSKP). Menurut Abdullah Yusof dalam Nurul Haida, Normarini Norzan dan Nur Nadzirah Amir (2019) menyarankan guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu adalah dalam kalangan mereka yang menguasai pengetahuan dan isi kandungan Bahasa Melayu. Perubahan sukatan mengikut Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula digunakan sepenuhnya bermula tahun 2021 memberi cabaran kepada guru untuk menguasai kemahiran pengajaran yang sesuai dengan kehendak soalan bahagian C. Penggantian KBSM bertujuan untuk mengubah keupayaan murid berfikir secara aras tinggi dan pembentukan format pentaksiran berdasarkan DSKP yang digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) yang menjadi tunjang dalam merangka instrumen pentaksiran. Selain itu, perancangan pengajaran rumusan yang ditulis dalam Buku Persediaan Mengajar (BPM) turut menjadi tindakan awal untuk guru menggunakan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan keupayaan dan bentuk rumusan yang diajar. SKPMg2 (2017) digunakan sebagai panduan dalam pengukuran keupayaan GSTT mengajar secara terancang dan memenuhi keperluan format yang telah ditetapkan oleh LPM.

## Permasalahan Kajian

Merumus petikan membantu murid untuk mendapat markah dengan mudah sekiranya format menulis tiga bahagian utama dalam penulisan diikuti dengan betul. Teknik penulisan tiga bahagian tersebut perlu diterangkan satu persatu dengan menggunakan contoh soalan yang lengkap serta perlu ditunjukkan teknik mendapatkan isi tema dalam petikan dan bahan rangsangan. Pengkaji mendapati bentuk soalan mengikut (DSKP-KSSM) bermula tahun 2021 adalah berbeza kerana tidak dinyatakan kata kunci dalam soalan berbanding format soalan menggunakan sukatan KBSM. Walau bagaimanapun pengkaji mendapati murid masih lemah untuk menguasai format merumus petikan. Merujuk data keputusan peperiksaan yang dikeluarkan oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK), seramai 369 orang calon yang mengambil kertas bahasa Melayu, terdapat 5 orang murid memperoleh markah 10 hingga 15 untuk bahagian rumusan bersamaan dengan 1.35 % dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2021. Justeru, pengkaji cuba untuk mengesan kelemahan tersebut supaya dapat diatasi dan diperbetulkan dalam meningkatkan kecemerlangan keputusan peperiksaan.

Contoh Soalan Merumus Petikan	Dokumen Pentaksiran
Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang <i>punca-punca</i> pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan dan <i>manfaat-manfaat</i> industri pelancongan kesihatan kepada negara kita.	KBSM
Baca petikan dan ilustrasi yang diberikan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.	DSKP- KSSM 2021

**Jadual 1: Perbezaan Bentuk Soalan KBSM & KSSM**

Perancangan pengajaran adalah penting untuk menentukan keberhasilan dalam mencapai objektif pengajaran. Guru Bahasa Melayu perlu menulis perancangan aktiviti pengajaran dalam Buku Persediaan Mengajar (BPM) sebelum proses pengajaran bermula. Merujuk kepada SKPMg2, ASPEK 4.1 menyatakan bahawa guru perlu memainkan peranan sebagai perancang membuat kesediaan dan persediaan sebelum melaksanakan PdPc mengikut Standard Kualiti STAK (4.1.1). walau bagaimanapun, BPM yang ditulis oleh guru tidak seiring dengan PdPc untuk menjadi panduan awal merangka objektif dan aktiviti PdPc dalam bilik darjah tidak tercapai. Menurut Ong Sze Chong, Zamri Mahamod dan Mohd Izham Mohd Hamzah (2017) mendapati Guru Cemerlang bahasa Melayu (GCBM) merancang dan membuat persediaan sebelum sesi PdPc bermula. Persediaan tersebut meliputi persediaan penulisan perancangan pengajaran, penulisan set induksi, pengurusan bilik darjah, mengikuti amalan pedagogi, amalan penilaian, amalan bahan bantu mengajar dan membuat kesimpulan pengajaran. BPM yang ditulis dengan perancangan pengajaran akan menjadi acuan untuk menentukan impak dalam sesi pengajaran yang dilaksanakan.

### Objektif Kajian

- i. Menghurai prosedur pengajaran merumus petikan murid tingkatan berdasarkan kehendak sukanan pelajaran oleh GSTT.
- ii. Meninjau penulisan perancangan pengajaran merumus petikan guru dalam Buku Persediaan Mengajar (BPM) harian.

### Persolan Kajian

- i. Bagaimanakah GSTT melaksanakan prosedur pengajaran merumus petikan murid tingkatan empat mengikut kehendak sukanan pelajaran (DSKP-KSSM)?
- ii. Apakah GSTT menulis perancangan yang lengkap pengajaran merumus petikan dalam Buku Persediaan Mengajar (BPM) mengikut RPT Bahasa Melayu

### Sorotan Literatur

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mula diperkenalkan pada tahun 2017 untuk murid tingkatan satu. Sukanan ini dibangunkan seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013-2025 bertujuan untuk mempertingkatkan kebolehan berfikir mengikut kemahiran abad ke-21. Langkah ini akan menjadikan murid lebih berfikiran kritis, kreatif dan inovatif, bijak dalam membuat penyelesaian masalah dan berkebolehan untuk memimpin serta berkeupayaan untuk bersaing di peringkat global. Merumus petikan merupakan sebahagian soalan yang mengalami perubahan daripada segi bentuk soalan dan kaedah menjawab dengan menggunakan format pentaksiran DSKP-KSSM yang baru. Oleh itu, GSTT perlu menguasai pendekatan, strategi dan kaedah yang berkesan untuk mengajar kemahiran merumus petikan.

Menurut Lai Lee Chung, Chin Hai Leng dan Chew Fong Peng (2017), kajian mendapati ramai dalam kalangan guru mempunyai strategi mengajar kemahiran menulis yang sama dan mereka masih terpengaruh dengan penggunaan strategi pengajaran berbentuk konvensional. Hal ini menyebabkan soalan bahagian C sukar untuk dikuasai oleh murid menengah atas. Kajian yang dijalankan oleh Sumarni Lapammu dan Zamri Mahamod (2018) mendapati murid di sekolah menengah di Tawau bersikap positif terhadap penggunaan pembelajaran maya dalam bilik darjah. Oleh itu, guru perlu mempelbagaikan medium pengajaran untuk menjamin keberkesanan menguasai kemahiran menjawab soalan rumusan Bahasa Melayu kertas 2.

Rubrik Rumusan Cemerlang Format baharu merumus petikan memerlukan guru mengajar menggunakan dua pendekatan soalan iaitu soalan mengandungi dua bahan rangsangan dan tiga bahan rangsangan. Bahan satu berbentuk petikan manakala bahan dua dan bahan tiga terdiri daripada prosa, puisi dan grafik yang mempunyai tema sama dengan bahan satu. Murid dikehendaki menulis rumusan berdasarkan semua bahan yang disediakan dengan menentukan fokus satu(F1), fokus dua (F2) dan fokus tiga (F3). Murid perlu menulis rumusan yang mengandungi lapan isi yang diambil dari kedua- dua bahan atau tiga bahan dengan jumlah perkataan tidak melebih 120 patah perkataan. Markah diperuntukkan mengikut Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) seperti berikut:

Bahagian	Markah	Huraian
Pendahuluan	2 markah	
Isi rumusan (8)	16 markah	
Kesimpulan / penutup	2 markah	
Markah bahasa	10 markah	Dinilai secara holistik. 8-10 cemerlang, 5-7 baik, 3-4 sederhana, dan 1-2 lemah.

**Jadual 2: Rubrik Merumus Petikan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM)**

### **Kaedah Mengajar Rumusan**

Langkah mengajar rumusan memerlukan kemahiran yang dapat menjelaskan satu persatu kemahiran seperti menulis pendahuluan, menyambung perenggan isi dan menulis penutupan rumusan. Guru perlu menerangkan format terlebih dahulu kemudian dikuti dengan pengajaran menulis pendahuluan.

Bentuk Rumusan	Format Menulis Pendahuluan
Dua Bahan	<p>Pendahuluan+Fokus 1+Fokus 2</p> <p><b>Contoh:</b> Rumusan membincangkan (F1) punca-punca pencemaran alam sekitar dana(F2) langkah-langkah untuk menangani pencemaran alam sekitar.</p>
Tiga Bahan	<p>Pendahuluan+Fokus 1+ Fokus 2+ Fokus 3</p> <p><b>Contoh:</b> Rumusan membincangkan (F1) punca-punca pencemaran alam sekitar, (F2) langkah-langkah menangani pencemaran alam sekitar, dan (F3) kesan-kesan pencemaran alam sekitar</p>

**Jadual 3: Langkah Menulis Pendahuluan**

Menurut Jaya Masir, Mohd Isham Embong dan Sharifah Abd. Rahman (2020) menyarankan dalam proses mengenal pasti (F1), (F2) dan (F3) murid dikehendaki membaca petikan dengan teliti. Kemudian, cari idea utama yang terdapat dalam petikan terutama pada perenggan pertama dan jadikan sebagai F1. Seterusnya murid dikehendaki membaca perenggan seterusnya untuk mengesan F2 yang terdapat dalam keseluruhan petikan. Bagi mendapatkan jumlah perkataan yang terhad murid boleh menggabungkan dua isi dalam satu ayat dengan menggunakan penanda wacana tanpa mengubah maksud asal ayat. F1, F2 dan F3 tiga hendaklah ditulis dengan padat dan tepat untuk mengelakkan berlaku lebihan perkataan. Selain itu, murid dibenarkan untuk menulis dalam satu perenggan dan tiga perenggan tanpa memasukkan sebarang contoh yang terdapat dalam petikan. Kemahiran menulis kesimpulan, murid perlu menggunakan perkataan yang berbentuk cadangan, tema dan kesan. Murid juga boleh menggunakan kata hubung untuk melengkapkan kesimpulan dan memikirkan penutup rumusan berkaitan dengan perkara yang difokuskan dalam petikan.

### **Penulisan Buku Persediaan Mengajar (BPM)**

Ong Sze Chong, Zamri Mahamod dan Mohd Izham Mohd Hamzah (2017) mendapati Guru Cemerlang Bahasa Melayu (GCBM) merancang dan membuat persediaan sebelum sesi PdPc bermula. Penulisan BPM diwajibkan dalam kalangan guru Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan Islam Kelantan kerana undang–undang tersebut diguna pakai dalam pengurusan Sekolah Maahad Kawalan negeri Kelantan. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3/1999 menggantikan Surat Pekeliling Kementerian Pendidikan (256) berkaitan dengan “Buku Rekod Mengajar Guru” yang bertarikh 1 Julai 1963 menekankan perkara ke (ii) menetapkan bahawa RPH menjadi terjemahan terhadap Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) yang terkandung objektif, langkah untuk menjayakan objektif dan tahap pencapaian objektif dalam pengajaran. Merujuk, elemen penulisan BPM Kementerian Pendidikan Malaysia, guru perlu melengkapkan maklumat berkaitan dengan tema, tahun , tajuk dan masa untuk bahagian satu. Manakala, standard pembelajaran perlu dijelaskan mengikut DSKP-KSSM dan objektif pula, perlu ditulis menggunakan perkataan yang boleh membentuk terminologi. Bahagian aktiviti perlu diuraikan mengikut proses merancang sesuatu aktiviti bermula dari awal sehingga aktiviti berakhir. Guru perlu menyatakan bahan bantu mengajar yang digunakan dan membuat penilaian atau refleksi di akhir pengajaran.

### **Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT)**

Yayasan Islam Kelantan (YIK) menggunakan gelaran jawatan dan prasyarat lantikkan mengikut Peraturan Pelantikan Serta Kemudahan Untuk Guru Sandaran dalam jadual 2.3 (2.3.1) Bahagian Guru Sandaran Tidak Terlatih Kementerian Pendidikan Malaysia. Berdasarkan perkara ini YIK mengguna pakai untuk melantik GSTT mengajar di Maahad Kawalan negeri Kelantan sebagai guru kontrak mengikut perjanjian bulan ke bulan. Selain itu, GSTT digalakkan menyambung pengajaran untuk mendapatkan ikhtisas pendidikan menggunakan mod Kursus Dalam Cuti (KDC) mengikut institusi pengajaran yang ditetapkan.

### **Teori Kajian**

Kajian ini diselaraskan mengikut Teori Pembelajaran Penerimaan David Ausubel (1918-2008) seorang ahli psikologi Amerika yang mengkaji tentang pembelajaran bermakna yang menggunakan bahasa. Teori ini mengandungi dua bentuk pengajaran iaitu hafalan dan pembelajaran bermakna. Justeru untuk menjadikan sesuatu proses pengajaran lebih jelas maklumat baharu hendaklah berkaitan dengan maklumat yang lebih umum dan berkaitan dengan maklumat yang terdapat dalam struktur pemikiran seseorang murid. Beliau juga membentuk dua subsumsi iaitu derivatif dan korelatif di mana dalam proses pengajaran guru

perlu mengaitkan konsep atau idea baru dengan konsep dan maklumat umum yang sudah wujud dalam pengetahuan murid. Teori Ausubel mengambil kira pembelajaran individu dalam konteks sekolah dan bilik darjah yang membentuk pengajaran bermakna dalam bentuk teks atau proses penyampaian guru. Konsep melalui penerimaan membolehkan pembelajaran bermakna berlaku dan proses penyampaian guru perlu dirancang terlebih dahulu bermula dengan mengait akan pengetahuan sedia ada lalu disusun secara berperingkat daripada maklumat umum kepada maklumat yang lebih khusus. Selain itu, teori Ausubel meletakkan tujuh langkah yang perlu dilakukan oleh seseorang guru untuk mendapatkan hasil pengajaran yang bermakna iaitu :

- i. Pamerkan maklumat umum tentang sesuatu isi pengajaran sebelum memberikan contoh khusus dan bincangkan perincian topik berkenaan.
- ii. Guru bahasa Melayu perlu memilih dan menggunakan bahan penyampaian pengajaran yang ada kaitan dengan pengalaman pembelajaran lepas.
- iii. Membantu murid membuat perbandingan maklumat yang baharu diterima dengan pengetahuan sedia ada.
- iv. Maklumat yang diberikan perlu bersesuaian dengan keupayaan murid untuk membantu mereka menguasai ilmu baharu.
- v. Proses pengajaran guru bahasa Melayu perlu teratur dan selesaikan langkah demi langkah serta gunakan bahan dan laras bahasa yang sesuai dengan keupayaan mereka.
- v. Menggunakan bahan bantu Mengajar yang bersesuaian dengan tajuk pengajaran yang dilaksanakan.
- vii. Guru bahasa Melayu perlu membuat penutupan pengajaran dalam pelbagai bentuk pendekatan seperti kuiz, lisan, latihan dan sebagainya.

Teori Ausubel terdapat banyak perkaitan dengan pengajaran merumus petikan kerana murid telah didedahkan dengan kemahiran menulis ulasan pendek semasa di tingkatan 3. Merumus petikan mempunyai format yang perlu dikuti dan dikuasai oleh murid untuk memperoleh markah cemerlang. Justeru guru perlu membandingkan ulasan dengan format rumusan untuk memudahkan murid mengingati dan menguasai kemahiran menulis rumusan. Proses pengajaran merumus petikan perlu bermula dengan bahagian yang mudah terlebih dahulu dan dikuti dengan bahagian yang sukar.

## **Metodologi**

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian kes dalam satu kawasan dalam daerah Kota Bharu Kelantan. Menurut Lee Keok Cheong, Zakri Abdullah dan Chua Lay Nee (2018), kajian kes amat sesuai digunakan dalam lapangan yang kecil seperti sekolah, jabatan dan organisasi sosial yang kompleks secara mendalam. Kjian ini dijalankan menggunakan acuan Ong Sze Chong, Zamri Mahamod dan M.Izham M. Hamzah (2017) yang diubah mengikut kesesuaian bidang kajian dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Data temu bual berperanan sebagai data utama. Manakala, data pemerhatian dan data daripada analisis dokumen akan digunakan sebagai sokongan kepada data temu bual. Data mentah yang dikumpulkan diproses menggunakan teknik analisis kandungan bertujuan untuk mengekodkan (coding) data kualitatif dalam mendapatkan makna kepada perkataan, teks dan gambar. Data kajian yang dikodkan akan diproses untuk di kategori dalam menentukan tema agar menjawab persoalan kajian. Menurut Ruzlan, Fahainis dan Fauziah (2018) data yang diperoleh dari tiga kaedah pengutipan data diproses secara triangulasi untuk mendapatkan data yang mempunyai kepercayaan yang tinggi.

Pengkaji menjalankan satu kali proses temu bual terhadap guru GSTT menggunakan medium komunikasi Google Meet dan dua kali proses pemerhatian dalam bilik darjah.

### **Kesahan Dan Kebolehpercayaan**

Sebagai langkah untuk mempertingkatkan kebolehpercayaan terhadap kajian ini pengkaji telah mengikut etika dengan mendapatkan kebenaran terlebih dahulu untuk menjalankan kajian daripada pihak sekolah dan peserta kajian. Selain itu, pengkaji turut merahsiakan maklumat peserta kajian dan tempat kajian dijalankan, memberi penerangan tentang keberkaitan berdasarkan teori yang dipilih dan menyediakan fail untuk pembangunan data yang terperinci serta merangkumi semua kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji. Pengkaji juga menyenaraikan prosedur penulisan laporan kajian seperti berikut:

<b>Ujian dan Pengujian Objektif</b>	<b>Strategi</b>	<b>Tahap Kajian dan Tarikh</b>								
Kebolehpercayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Menghuraikan tentang teori</li> <li>✓ Mengikut etika kajian.</li> <li>✓ Menyediakan data lengkap peserta kajian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Mereka bentuk kajian</li> <li>✓ Proses mengumpul maklumat</li> <li>✓ Menulis pelaporan lengkap</li> </ul>								
Kesahan Konstrak	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Proses pengumpulan data iaitu, temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen.</li> <li>✓ Mencerap 2 sesi pengajaran guru GSTT berpandukan SKPMg2 (KPM) 2017. DSKP – KPM dan Format Pentaksiran DSKP-KSSM 2021 BM (1103/2)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Berfokus kepada pengumpulan maklumat kajian</li> </ul>								
Kesahan Dalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Menyemak berulang kali maklumat dengan peserta kajian.</li> <li>✓ Melakukan 2 kali proses pemerhatian dalam bilik darjah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Mereka bentuk kajian</li> <li>✓ Proses mengumpul maklumat</li> <li>✓ Menulis pelaporan lengkap</li> </ul> <p style="margin-left: 20px;">Tarikh Pencerapan :</p> <table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td><b>19.5.21 (rabu)</b></td> <td><b>24.5.21 (isnin)</b></td> <td><b>10.5.21 (Isnin)</b></td> <td><b>25.5.21 (selasa)</b></td> </tr> <tr> <td><b>GSTT A</b></td> <td><b>GSTT A</b></td> <td><b>GSTT B</b></td> <td><b>GSTT B</b></td> </tr> </table>	<b>19.5.21 (rabu)</b>	<b>24.5.21 (isnin)</b>	<b>10.5.21 (Isnin)</b>	<b>25.5.21 (selasa)</b>	<b>GSTT A</b>	<b>GSTT A</b>	<b>GSTT B</b>	<b>GSTT B</b>
<b>19.5.21 (rabu)</b>	<b>24.5.21 (isnin)</b>	<b>10.5.21 (Isnin)</b>	<b>25.5.21 (selasa)</b>							
<b>GSTT A</b>	<b>GSTT A</b>	<b>GSTT B</b>	<b>GSTT B</b>							

**Jadual 4: Jadual Pengumpulan Data Kajian**

### Peserta Kajian

Pengkaji telah memilih dua orang peserta kajian yang terdiri daripada guru GSTT di Maahad Kawalan dalam Daerah Kota Bharu. Kedua – dua peserta adalah guru yang terlibat dengan pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat. lantikan mereka adalah sebagai guru kontrak untuk mengisi kekosongan jawatan guru BM di sekolah tersebut. Pengkaji memilih dua orang peserta kajian ini berdasarkan pensampelan dimensional kerana menurut Kharuddin Mohamad, Ibrahim Yusof dan Zaridah Ramli (2014) menyatakan bahawa pensampelan ini sesuai digunakan dalam kajian kes disebabkan pengkaji hanya memfokuskan kepada subjek yang mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki dan hanya memilih responden yang mempunyai persamaan dengan bidang kajian yang dijalankan. Justeru pemilihan kedua- dua orang peserta kajian ini amat sesuai dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji untuk melihat kelemahan tahap penguasaan pengajaran guru GSTT bahagian rumusan mengikut sukanan DSKP-KSSM bahasa Melayu tingkatan empat.

Peserta Kajian	Kelulusan Akademik	Tarikh Lantikan	Tingkatan Yang Diajar	Pengalaman
GSTT (A)	I.S.M Sains Sosial dgn Kepujian (Antropologi dan Sosiologi)	15 Mac 2021	Tingkatan 4 Bahasa Melayu	Tidak berpengalaman sebagai guru Bahasa Melayu
GSTT (B)	I.S.M sains Sosial dgn Kepujian (Geografi) Master Komunikasi	18 Oktober 2020	Tingkatan 4 Bahasa Melayu	Berpengalaman mengajar sebagai pensyarah di Open Universiti, KIAS dan Kolej Teknologi Darul Naim.

Jadual 5: Latar Belakang Peserta Kajian

### Dapatan Kajian

#### *Pengajaran Merumus Petikan Mengikut Sukatan Pelajaran*

Pengkaji mendapati tema Rumusan mempunyai standard kandungan (SK: 2.2) dalam Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) mata pelajaran bahasa Melayu tingkatan empat. Manakala standard pembelajaran (SP: 2.2.1) menyatakan proses membaca, mengenal pasti dan menjelaskan maklumat tersirat dengan betul daripada pelbagai bahan primer. Justeru pengkaji telah menjalankan proses temu bual dengan GSTT (A) dan GSTT (B) untuk mengetahui pendapat mereka tentang kefahaman dan penggunaan Sukatan Pelajaran dalam mengajar merumus petikan murid tingkatan empat. Dapatan yang diperoleh melalui proses temu bual mendapati peserta kajian tidak memahami kehendak sukanan pelajaran dan memberi maklum balas seperti mereka tidak menguasai keperluan pengajaran yang ditetapkan dalam format pentaksiran DSKP-KSSM dan data temu bual seperti berikut :

*“ Apakah DSKP? Diterangkan terlebih dahulu oleh pengkaji. Hanya ada yang tingkatan empat sahaja. Saya tidak faham dengan DSKP merumus petikan sebab sukanan baharu. Selain itu, saya tidak mempunyai pengalaman dan hanya menggunakan buku teks dalam pengajaran”*

( GSTT (A) : minit 1.45-2.45 )

*“Secara umumnya aaaaaa saya masih kabur kerana tidak diberi kursus dan pendedahan yang lengkap. Saya hanya bertanya guru senior seperti cikgu Suhaila dan cikgu Murni serta membaca buku aktiviti serta buku Teks. Sebelum kelas saya mengulang kaji terlebih dahulu”*

(GSTT (B) : minit 2.04-3.14)

Temu bual yang dijalankan membuktikan bahawa GSTT (A) tidak mengetahui tentang DSKP dan perlu dijelaskan oleh pengkaji terlebih dahulu. Beliau juga tidak memahami kehendak sukanan pelajaran yang menentukan objektif pengajaran dalam bilik darjah. Manakala, GSTT (B) masih kabur walaupun telah mengajar mata pelajaran bahasa Melayu tingkatan empat selama tujuh bulan dan hanya merujuk kepada buku teks serta buku latihan untuk memahami format merumus petikan. Pengkaji mendapati buku teks tidak menerangkan secara jelas tentang langkah dan format merumus petikan mengikut format pentaksiran DSKP-KSSM. Menurut Adenan Ayob dan Kharuddin Mohamad. (2012, menerangkan bahawa Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) perlu dirujuk sebagai panduan dalam pengajaran guru kerana terkandung maklumat penting berkaitan dengan proses pengajaran yang perlu diikuti pada setiap masa. Penguasaan peserta dalam pengajaran merumus petikan didapati tidak jelas kerana kedua-dua orang peserta kajian tidak memahami dan menjadikan buku teks sebagai panduan utama tanpa merujuk kepada format pentaksiran DSKP-KSSM dan RPT bahasa Melayu tingkatan empat. Pengkaji melaksanakan proses pemerhatian dalam sesi pengajaran rumusan di bilik darjah dan mendapati data yang diperoleh dapat menyokong kebenaran dalam data temu bual.

Bahagian	Pemerhatian Pengajaran Rumusan Mengikut DSKP-KSSM Bil 6 - Konstruk: Kemahiran membaca, memahami, mengaplikasi, menilai dan mencipta	GSTT (A)		GSTT (B)	
		Tarikh Pemerhatian	Tarikh Pemerhatian	Tarikh Pemerhatian	Tarikh Pemerhatian
		16.5.21 (Ahad) 2	23.5.21 (ahad) 3	17.5.21 (Isnin) 2	19.5.21 (rabu) 3
Permulaan Pengajaran (Panduan Umum Rumusan)	Guru memberi penerangan secara ringkas tentang format rumusan perubahan format, jenis bahan dan sistem pemarkahan.	✓	X	✓	✓
Pendahuluan Rumusan	Guru menyarankan murid membaca petikan dengan teliti.	✓	✓	✓	✓
	Guru mengajar tentang langkah untuk mengesan F1 dan F2 dalam petikan dan	✓	✓	✓	✓

2 markah	mengesan F3 dalam petikan.				
	Guru menjelaskan teknik menulis pendahuluan rumusan dua bahan dan tiga bahan.	✓	X	✓	X
	Guru menyediakan contoh lengkap menulis pendahuluan rumusan.	X	X	X	X
<b>8 isi rumusan</b> (16 Markah)	Guru mengajar teknik mencari idea utama dalam petikan.	✓	✓	✓	✓
	Guru mengajar tentang perbezaan isi utama, isi sampingan dan huraian	X	X	X	X
	Menjelaskan bentuk pemerengganan.	✓	X	✓	X
	Menjelaskan tentang jumlah isi penting yang diperoleh tidak tetap. Mengikut model A, B, C, D dan E.	X	X	X	X
	Guru mengajar tentang penggunaan penanda wacana untuk menggabungkan isi.	✓	X	✓	✓
	Guru menunjukkan teknik menggabungkan isi.	✓	✓	✓	✓
	Guru mengajar teknik mengubah struktur ayat dengan mengakalkan maksud asal.	X	X	X	X
	Mengajar mengingati idea keseluruhan petikan.	X	X	X	X
<b>Menulis Kesimpulan</b> (2 Markah)	Menjelaskan dalam kesimpulan perlu mengandungi cadangan+ tema + kesan.	✓	✓	✓	✓

	Menjelaskan penggunaan perkataan (BUSA)	X	X	X	X
<b>Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)</b>	Guru menggunakan BBM yang sesuai untuk mengajar bahagian pendahuluan, isi dan penutup rumusan.		Papan Putih		Papan Putih

**Jadual 6: Pengisian Pengajaran Format Pentaksiran Baharu Mulai 2021 DSKP-KSSM**

### ***Permulaan Pengajaran***

Hasil kajian mendapati kedua-dua peserta kajian menjelaskan terlebih dahulu format rumusan mengikut sukanan baharu format pentaksiran DSKP-KSSM yang mula digunakan pada tahun 2021. GSTT (A) dan GSTT (B) memberi penerangan secara ringkas tentang sistem pemarkahan, jenis bahan yang digunakan dalam soalan rumusan yang terbahagi kepada dua iaitu soalan menggunakan dua bahan rangsangan dan tiga bahan rangsangan. Pada peringkat ini, murid masih memberi perhatian terhadap penerangan guru dan mereka faham tentang format yang dinyatakan. Menurut Khairuddin Mohamad, Maridah Alias dan Faizah Shamsudin. (2015) permulaan pengajaran adalah penting untuk mempengaruhi kemahiran yang telah dikuasai dalam pembelajaran biasa dengan tujuan memperluaskan pengetahuan dan pengalaman mereka. Namun begitu, dalam pemerhatian kali ke dua pengkaji mendapati GSTT (A) tidak melaksanakan permulaan pengajaran dengan memberi panduan rumusan yang menggunakan tiga bahan rangsangan sebaliknya, meneruskan aktiviti pengajaran yang berpandukan soalan yang disediakan.

### ***Pengajaran Pendahuluan Rumusan***

pengkaji mendapati GSTT (A) dan GSTT (B) menyarankan murid membaca terlebih dahulu petikan yang diberikan sebelum mengesani isi tersurat yang terdapat dalam bahan tersebut. Selain itu, peserta kajian juga mengajar setiap langkah mengesani Fokus 1 (F1) dan Fokus 2 (F2) untuk digunakan dalam menulis ayat permulaan rumusan dengan lengkap mengikut format yang telah ditetapkan. Justeru terdapat kesilapan yang dilakukan oleh GSTT(A) kerana tidak membuat catatan pada papan putih F1 dan F2 yang dinyatakan oleh murid. Peserta kajian hanya menjelaskan format dan langkah menulis pendahuluan rumusan menggunakan dua bahan dan tidak mengajar tentang perbezaan teknik menulis pendahuluan menggunakan tiga bahan rangsangan. Menurut C.Zanariah Hassan dan Fadzillah Abd Rahman (2017) kreativiti guru akan menentukan kejayaan proses pengajaran terutama dalam menentukan kebolehan seseorang guru mempelbagaikan strategi pengajaran yang berkesan. Selain itu, pengkaji mendapati kedua-dua peserta kajian tidak menyediakan contoh lengkap penulisan pendahuluan rumusan sekadar dinyatakan dalam bentuk lisan.

### ***Menulis Isi Rumusan***

Rubrik rumusan untuk bahagian C kertas bahasa Melayu dua telah diubah untuk menguji tahap kemahiran berfikir murid menjawab soalan bahagian tersebut. Konsep format pentaksiran DSKP –KSSM tidak lagi menyediakan soalan yang meminta murid mencari isi tersirat. Sebaliknya, hanya lapan isi tersurat daripada dua bahan dan tiga bahan perlu dinyatakan oleh murid. Pada peringkat permulaan peserta kajian mengajar tentang teknik mengesani isi dalam petikan yang disediakan. Walau bagaimanapun, peserta kajian tidak menjelaskan konsep untuk mengenal pasti isi utama, isi sampingan dan huraian dalam setiap perenggan petikan. Hal ini

telah menyebabkan murid keliru untuk memilih isi yang sesuai dengan F1 dan F2 yang dinyatakan dalam pendahuluan rumusan. Perkara yang paling asas dalam rumusan iaitu menentukan jumlah perenggan tidak dinyatakan untuk sesi pengajaran yang menggunakan format soalan dua bahan dan tidak dijelaskan untuk format soalan yang menggunakan tiga bahan. Hal ini menunjukkan bahawa peserta kajian tidak menguasai sepenuhnya sukatan dan format pentaksiran rumusan mengikut DSKP-KSSM. Teknik pengajaran rumusan perlu tersusun kerana menurut Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah S.Ahmad. (2017) menyatakan bahawa penting guru merancang penyampaian isi pengajaran berkaitan dengan maklumat yang diperlukan oleh murid untuk membantu mereka memahami topik yang diajar dan guru perlu menyediakan maklumat dalam pelbagai bentuk seperti grafik dan peta minda. GSTT (A) dan GSTT (B) tidak menggunakan panduan model penyusunan isi yang dikenali sebagai Model A, B, C, D dan E. Penggunaan model ini akan membantu murid memahami dengan mudah konsep menyusun lapan isi rumusan di samping penggunaan wacana dan teknik menggabung dua isi dalam setiap ayat. Pengkaji juga mendapati GSTT (A) dan GSTT (B) tidak menyentuh tentang teknik mengubah struktur ayat yang disarankan dalam soalan dengan tidak mengubah maksud asal ayat untuk mendapat markah rumusan cemerlang.

### ***Penulisan Kesimpulan***

Dalam bahagian ini, pengkaji mendapati pengajaran kedua-dua peserta kajian hanya menyentuh tentang teknik ayat cadangan, ayat tema dan ayat kesan yang perlu ditulis dalam kesimpulan. GSTT (A) dan GSTT (B) tidak mencadangkan penggunaan perkataan BUSA sebagai contoh bagi, untuk, supaya dan agar sebelum menyatakan ayat kesan. Pengajaran peserta kajian juga tidak menjelaskan tentang ayat kesimpulan yang boleh dipetik daripada idea dalam keseluruhan petikan.

### ***Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)***

Merujuk kepada Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) bahasa Melayu Tingkatan Empat yang digunakan bermula tahun 2021 menetapkan pengajaran bahagian rumusan menggunakan BBM yang berbentuk Peta i-Thik untuk menyampaikan isi pengajaran dan teknik menjawab rumusan dengan tepat. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati peserta kajian menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang terhad kepada papan putih sahaja, berdasarkan dua sesi pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji. Menurut Anthony Aloysuis Akup dan Yahya Othman (2017) mendapati penggunaan peta i-Think merupakan pendekatan yang terkini dalam proses pengajaran dan akan menjadi budaya kepada guru pada zaman moden untuk melahirkan murid minda kelas pertama. Penggunaan BBM dalam kalangan peserta kajian adalah bertentangan dengan cadangan yang terdapat dalam RPT bahagian rumusan yang ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).

### ***Penulisan Buku Persediaan Mengajar***

Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil, 3/1999 berkaitan dengan penyediaan Buku Rekod Pengajaran dan Pembelajaran (BRPP) menegaskan bahawa dalam BRPP dua unsur utama iaitu RPT dan Rekod Pengajaran Harian (RPH). Walau bagaimanapun, kandungannya terdiri daripada maklumat objektif, langkah untuk mencapai objektif dan menyatakan tahap pencapaian objektif. Menurut Adenan dan Khairuddin. (2012) penulisan buku RPH hendaklah dibuat dengan berdasarkan sukatan pelajaran menerusi pengubahsuaian kepada unit pelajaran yang meliputi susunan perancangan aktiviti dan tindakan yang akan dilaksanakan guru dengan bantuan bahan bantu mengajar dan proses penyampaian sesuatu unit pelajaran. Setelah temu bual dilakukan berkaitan dengan Buku Persediaan Mengajar (BPM) pengkaji mendapati GSTT (A) dan GSTT (B) tidak pernah diberi pendedahan tentang penulisan BPM yang betul oleh

pihak Yayasan Islam Kelantan (YIK). Pihak sekolah juga tidak memberi teguran tentang kelemahan yang ditulis oleh peserta kajian terutama di bahagian objektif pengajaran yang memerlukan peserta kajian menulis menggunakan permulaan ayat dengan perkataan terminologi. Apabila ditemui bual GSTT (A) dan GSTT (B) memberi alasan berikut:

*“Saya tidak pernah diberi latihan dan pendedahan oleh pihak sekolah dan jabatan. Mereka beri buku dan pandai sendiri nak tulis apa pun. Jadi saya rujuk cara cikgu sebelum ni menulis BPM. Pentadbir tidak pernah tegur cara saya tulis, jadi selepas saya hantar boleh ambil semula dan saya lihat telah selesai di semak dan saya anggap betul kot.”*

(GSTT (A) : minit 12.20-12.46)

*“ Setakat ini saya bersetuju... Cuma ruang untuk menulis itu ummm saya tidak tahu la. Di sekolah kebangsaan macam mana?. Ruang untuk kita menulis laporan agak terbatas hanya boleh tulis dengan ringkas sahaja tidak muat untuk tulis huriahan.*

(GSTT (B) : minit 14.09-14.59)

Pengkaji mendapati GSTT (B) merungut tentang ruang buku BPM yang terhad untuk menulis semua aktiviti dan perancangan pengajaran. Oleh itu, peserta kajian hanya menulis maklumat penting sahaja dengan keterbatasan ruang yang terdapat dalam BPM. Pengkaji juga bertanya tentang penggunaan DSKP dan RPT sebagai panduan dalam menulis BPM GSTT (A) memberi alasan ada digunakan namun tidak faham cara untuk menulis berpandukan dua sumber tersebut hanya merujuk kepada cara penulisan guru sebelum ini. Manakala, GSTT(B) memaklumkan bahawa beliau telah diberi buku kecil DSKP sebagai panduan untuk menulis BPM. Namun, beliau tidak tahu menulis bahagian objektif pengajaran dengan ayat objektif yang tepat.

*“YA ada gunakan, sebab hanya rujuk daripada cara guru yang tulis sebelum ini. Kita tidak faham sangat”*

(GSTT (A) minit 13.15-13.25)

*“Ya saya telah diberikan buku kecil, buku nipis. Apakah nama buku tu ?*

*Pengkaji : DSKP ?*

*B: Ha buku itu lah. Saya tak berapa lagi lah dalam nak membina ayat untuk objektif, jadi di situ lah masalah”*

(GSTT (B) minit 15.13-15. 35)

Peserta kajian	Tarikh:	Mata pelajaran/ Kelas/masa	Penulisan BPM				
			T	SP	OP	A	P
<b>GSTT (A)</b>	19.05.2021	9.30-10.30 (2) bahan	✓	✓	✓	✓	✓
	24.05.2021	11.30-12.30 (3) bahan	✓	✓	✓	✓	✓
<b>GSTT (B)</b>	10.05.2021	10.30-11.30 (2) bahan	✓	✓	✓	✓	✓
	25.05.2021	12.30-1.30 (3) bahan	✓	✓	✓	✓	✓

**Jadual 7: Komponen Pengukuran Buku Persediaan Mengajar**

Pengkaji telah menjalankan proses pemerhatian pengajaran dan menganalisis BPM secara serentak selama dua hari sebagaimana dalam jadual di atas. Pengkaji mendapati terdapat perbezaan format dan ruang penulisan BPM Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Ruang yang disediakan dalam BPM YIK hanya mempunyai lima komponen iaitu, tajuk, Standard Kandungan, objektif pembelajaran, aktiviti dan penilaian. BPM YIK juga tidak meletakkan ruang untuk menulis dan menghurai perancangan aktiviti, pembelajaran kendiri dan penggunaan BBM. Kesahan dan kebolehpercayaan untuk membuat penilaian BPM dalam kalangan GSTT diperakui kerana pengkaji merupakan Guru Penyelaras Mata Pelajaran bahasa Melayu yang pernah ditugaskan untuk mencerap peserta kajian. Selain itu, pengkaji membuat perbincangan untuk mendapatkan pandangan daripada Guru Panitia dan Guru Kanan mata pelajaran.

Peserta Kajian	Tarikh	Huraian Analisis	Pencapaian Tahap Kualiti	Tahap
<b>GSTT (A)</b>	<b>19.05.2021</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• BPM yang ditulis tidak mengikut RPT Bahasa Melayu (BM).</li> <li>• SP tidak ditulis mengikut RPT (BM).</li> <li>• Objektif PdPc : tidak jelas dan tidak boleh diukur. (terminologi).             <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Memahami teknik menulis rumusan.</i></li> </ol> </li> <li>• Aktiviti PdPc : tidak mengikut kaedah pentaksiran.</li> <li>• Impak : dinyatakan secara umum.</li> </ul>	2	<b>Lemah</b>
	<b>10.05.2021</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• BPM yang ditulis tidak mengikut RPT Bahasa Melayu.</li> <li>• SP tidak ditulis mengikut RPT (BM).</li> <li>• Objektif PdPc : tidak jelas dan tidak boleh diukur.             <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Menulis rumusan yang lengkap.</i></li> </ol> </li> <li>• Aktiviti : Pengajaran berpusatkan guru.</li> </ul>	2	<b>Lemah</b>

<b>GSTT (B)</b>	<b>24.05.2021</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Impak : ditulis secara umum.</li> <li>• BPM tidak ditulis mengikut RPT Bahasa Melayu.</li> <li>• SP : tidak mengikut cara yang dinyatakan dalam RPT BM.</li> <li>• Objektif PdPc: tidak jelas dan tidak boleh diukur.           <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Pelajar memahami etika dalam merumus petikan.</i></li> </ol> </li> <li>• Aktiviti : Pengajaran berpusatkan guru.</li> <li>• Impak : Ditulis secara umum,           <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Pelajar dapat memahami dan menulis rumusan.</i></li> </ol> </li> </ul>	<b>2</b>	<b>Lemah</b>
	<b>25.05.2021</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• BPM tidak ditulis mengikut RPT Bahasa Melayu.</li> <li>• SP : tidak mengikut cara yang dinyatakan dalam RPT BM.</li> <li>• Objektif PdPc: tidak jelas dan tidak boleh diukur.           <ol style="list-style-type: none"> <li>2. <i>Pelajar dapat menyambung isi dalam dalam perenggan rumusan.</i></li> </ol> </li> <li>• Aktiviti : Pengajaran berpusatkan guru.</li> <li>• Impak : Ditulis secara umum,           <ol style="list-style-type: none"> <li>3. <i>Pelajar dapat memahami dan membezakan teknik menulis rumusan 2 bahan dan 3 bahan rangsangan.</i></li> </ol> </li> </ul>	<b>2</b>	<b>Lemah</b>

**Jadual 10 : Penskoran Perancangan dan Persediaan Mengajar Guru Bahasa Melayu**

Berdasarkan analisis buku BPM mengikut Borang Penskoran Standard 4 pengkaji mendapati peserta kajian menulis semua ruang dalam buku BPM. Namun penulisan tersebut tidak mengikut RPT Bahasa Melayu yang ditetapkan. Setelah meneliti BPM yang ditulis oleh GSTT (A), pengkaji mendapati SP tidak ditulis mengikut bahagian rumusan dalam RPT Bahasa Melayu dan tidak jelas tentang objektif pengajaran kerana tidak ditulis menggunakan perkataan terminologi yang boleh diukur. Aktiviti pengajaran tidak mengikut kaedah pentaksiran disebabkan hanya guru yang memainkan peranan dalam PdPc. Selain itu, impak pengajaran hanya ditulis dalam kenyataan ayat yang umum tanpa memberi jumlah kategori mengikut murid yang boleh menguasai dan sebaliknya. Hal ini menyebabkan pengkaji memberi pencapaian tahap kualiti pada skala dua iaitu lemah. Walau bagaimanapun pengkaji melakukan analisis kali kedua berpandukan penulisan BPM yang disediakan oleh GSTT (A) dan mendapati cara penulisan masih sama serta pembelajaran lebih berpusatkan kepada guru dalam mengajar teknik rumusan mengikut sukatuan baharu format pentaksiran DSKP-KSSM yang bermula tahun 2021 untuk menengah atas. Pengkaji memberi penilaian tahap pencapaian kualiti adalah pada skala dua iaitu pada tahap lemah. Pengkaji juga mendapati GSTT (A) tidak

menyatakan dengan jelas tentang aktiviti pengajaran yang dirancang kerana beliau menulis berdasarkan aktiviti yang telah berlaku dalam bilik darjah. BBM yang digunakan tidak dinyatakan sebagai makluman dalam BPM yang disediakan.

Seterusnya, pengkaji melihat BPM yang disediakan oleh GSTT (B) berpandukan proses pengajaran yang berlangsung dalam bilik darjah. Pengkaji mendapati BPM yang ditulis juga tidak mengikut RPT Bahasa Melayu yang ditetapkan dan berada pada tahap lemah. Manakala objektif yang tulis adalah sama dengan kesalahan yang dilakukan oleh GSTT (A) tidak jelas dan tidak boleh diukur. Walau bagaimanapun, proses pengajaran rumusan mengikut sebahagian format pentaksiran mulai tahun 2021. Aktiviti pengajaran yang ditulis tidak sama dengan aktiviti yang berlaku ketika proses pengajaran kerana pembahagian masa yang tidak terancang. Penulisan impak juga berbentuk umum dan tidak dinyatakan jumlah murid yang lemah serta murid yang dapat menguasai teknik merumus petikan. Namun, dalam pemerhatian BPM kali kedua pada 25 Mei 2021, pengkaji mendapati GSTT (B) masih berada pada skala lemah kerana BPM yang ditulis masih lagi tidak mengikut RPT pengajaran Bahasa Melayu. Penulisan objektif masih lagi menggunakan kemahiran berfikir aras rendah dan tidak boleh diukur. Selain itu, pengkaji mendapati impak yang dinyatakan dalam bentuk penulisan umum dan tidak dikategorikan mengikut keupayaan murid. Analisis BPM ini telah disokong dengan dapatan temu bual tersebut:

*“ Saya tidak boleh nak ikut RPT sebab tak faham dan nak ambil rana masa tulis”  
saya tak pernah diberi kursus untuk tulis BPM”*

(GSTT A : minit 16.03-16.19)

*“ Saya guna juga RPT tapi tidak banyak kerana saya tak tahu nak mula cara tulis buku BPM mengikut bahagian hak disediakan. Jadi saya tulis salah pun pentadbir tak tegur. Itu yang saya tak baiki”*

(GSTT B : minit 17.03-17.21)

Kenyataan ini membuktikan bahawa guru GSTT tidak diberi pendedahan tentang penulisan buku BPM yang tepat. SKPMg2 yang digunakan oleh pengkaji hanyalah sebagai panduan untuk mengukur perancangan pengajaran tajuk rumusan mengikut RPT Bahasa Melayu dan menepati format pentaksiran 2021 di samping menggunakan teknik pengajaran yang sesuai dengan format merumus petikan menggunakan dua bentuk bahan dan tiga bentuk bahan rangsangan. Di bawah Unit Kenaziran YIK tidak terdapat satu panduan khusus dalam penulisan BPM dan pencerapan seperti yang dilaksanakan oleh KPM menggunakan SKPMg2. Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011), mendapati kebanyakan guru terlatih tidak bermasalah untuk memahami kandungan sukan pelajaran bahasa Melayu dengan jumlah min = 4.07. kajian ini membuktikan bahawa GSTT perlu diberi latihan untuk mereka memahami kandungan RPT dan menggunakan sepenuhnya format pentaksiran DSKP- KSSM sebagai panduan dalam pengajaran rumusan.

### Perbincangan dan Cadangan

Penulisan Buku Persediaan Mengajar (BPM) merupakan tugas hakiki setiap guru dalam menentukan matlamat pengajaran dilaksanakan dengan sempurna. Proses pengajaran hendaklah berpandukan kepada rancangan yang ditetapkan dalam BPM supaya teratur dan elemen aktiviti dan bahan bantu mengajar dapat disediakan mengikut kesesuaian tajuk yang diajar. Menurut Nurul Haida, Normarini Norzan dan Nur Nadzirah Amir. (2019) menyatakan bahawa pengajaran yang berkesan berlaku disebabkan oleh guru yang mewujudkan suasana

pengejuran yang interaktif. Selain itu, penulisan BPM perlu bersandarkan kepada RPT dan DSKP-KSSM yang bertujuan untuk menjadikan proses pengajaran mempunyai hala tuju dan berupaya memberi pendedahan kepada murid menjawab dengan tepat berdasarkan format yang dirancang. Perbezaan pada ruang dalam BPM Yayasan Islam Kelantan tidak menjadi penghalang kepada peserta kajian untuk menulis dengan jelas terutama pada bahagian objektif dan impak kerana panduan yang diberikan masih mengikut RPT yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian mendapati peserta kajian menulis BPM dengan perkataan yang tidak boleh diukur dan perancangan aktiviti tidak dihuraikan dengan jelas. Selain itu, mereka hanya menulis impak PdPc secara umum. Setelah data tersebut diukur menggunakan borang penskoran standard 4, pengkaji mendapati kedua-dua penulisan perancangan pengajaran rumusan dalam BPM berada pada kedudukan lemah iaitu pada skala dua. Justeru, peserta kajian perlu diberi kursus dan pendedahan menulis BPM berpandukan RPT dan DSKP-KSSM sebelum diberi tanggungjawab untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat. Kursus dan pendedahan ini boleh dilakukan pada peringkat sekolah atau peringkat YIK kerana jumlah lantikan GSTT adalah ramai mengikut kekosongan mata pelajaran di sesebuah sekolah. Merujuk kajian yang dijalankan oleh Anuar Ahmad. (2015), menyatakan guru perlu memperlengkap diri dengan profesionalisme, ilmu pengetahuan dan kemahiran menggunakan kaedah pembelajaran kendiri atau menyertai kursus yang dianjurkan oleh KPM atau pihak swasta yang berkelayakan.

Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) merupakan dokumen yang asas untuk dijadikan panduan dalam pengajaran rumusan. Tahun 2021 merupakan permulaan sukanan KSSM digunakan untuk menggantikan sukanan KBSM yang sebelumnya memberi cabaran kepada guru GSTT dalam memahami dan menguasai format pentaksiran yang diubah dan dibangunkan dengan format pentaksiran yang baharu memerlukan keupayaan guru membimbing murid untuk menguasai teknik menulis rumusan mengikut format yang ditetapkan. Kajian mendapati peserta kajian menggunakan sebahagian format pengajaran rumusan yang ditetapkan dalam format pentaksiran Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Selain itu, pengkaji mendapati peserta kajian tidak menyempurnakan pengajaran rumusan di bahagian isi yang menjadi isi F1,F2 dan F3 untuk memperoleh 16 markah. Kajian juga mendapati kedua-dua peserta kajian tidak lengkap dalam mengajar format rumusan menggunakan tiga bahan rangsangan, terdapat banyak kelemahan yang dilakukan semasa pengajaran rumusan dilaksanakan dan pengkaji menggunakan borang pemerhatian untuk mencatat komponen pengajaran rumusan yang tidak lengkap mengikut format pentaksiran DSKP-KSSM. Walau bagaimanapun peserta kajian hanya memberi tumpuan pengajaran untuk rumusan yang menggunakan dua bahan rangsangan. Peringkat menulis kesimpulan hanya diterangkan secara ringkas dan tidak ditujukan tenik yang tepat menulis kesimpulan berdasarkan proses mengingati idea keseluruhan petikan. Selain itu, bahan bantu mengajar yang digunakan tidak bersesuaian dengan pengajaran rumusan kerana tidak dapat memaparkan contoh rumusan yang lengkap sebagai panduan kepada murid memperbetulkan teknik menjawab untuk menyiapkan latihan. Menurut Khairuddin Maridah dan Faizah (2015), penggunaan BBM dalam proses pengajaran guru bertujuan untuk menambah kelancaran perhubungan antara guru dengan murid dan membantu mempercepatkan proses pemahaman mereka untuk menguasai isi pengajaran. Data yang diperoleh melalui proses pemerhatian dapat menyokong data temu bual yang menunjukkan bahawa GSTT (A) dan GSTT (B) banyak mengabaikan perkara penting yang harus dikuasai oleh murid dalam menjawab soalan rumusan mengikut format pentaksiran yang baharu. Pengkaji mencadangkan supaya calon GSTT diberi tanggungjawab untuk mengajar menengah bawah terlebih dahulu di samping pendedahan secara berperingkat diberikan untuk menguasai RPT dan DSKP mengikut KSSM.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat menjelaskan bahawa GSTT lemah dalam prosedur pengajaran petikan rumusan mengikut Sukatan Pelajaran yang telah disusun dalam format pentaksiran DSKP – KSSM Bahasa Melayu untuk soalan bahagian C. RPT Bahasa Melayu yang dibangunkan mengikut sukanan baharu KSSM bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir murid setanding di peringkat global. Selain itu, penulisan BPM juga tidak mengikut RPT Bahasa Melayu dan cara penulisan yang kurang tepat terutama pada bahagian objektif, aktiviti dan impak mengikut SKPMg2 yang diukur menggunakan borang penskoran. Perancangan yang disusun tidak diikuti oleh GSTT ketika mengajar rumusan dalam bilik darjah. Pendedahan, kursus dan latihan perlu diberikan kepada GSTT yang mengajar Bahasa Melayu menengah atas terutama dalam konsep menggunakan dokumen DSKP-KSSM sebagai panduan PdPc dan RPT sebagai medium untuk mencapai objektif pengajaran rumusan soalan bahagian C.

## Rujukan

- Abdul Rasid Jamian & Shamsudin Othman. (2014). ‘Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu’ dalam Research Gate. Jilid Januari 2014, h. 1-12.
- Abdul Rasid Jamian. (2016). ‘Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Dalam Pembelajaran Menurut Perpektif Pelajar’ dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Jilid 2016, h. 1-12. Serdang : Universiti Putera Malaysia.
- Adenan Ayob dan Khairuddin Mohamad.(2012). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Anthony Aloysius Akup & Yahya Othman. (2017). ‘Keberkesanan Peta Pemikiran Dalam meningkatkan Kemahiran Menulis Esei Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6’ dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Jilid Mei 2017, h 44-55. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Ahmad & Nelson Jingga. (2015). ‘Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah’ dalam Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik. Jilid April 2015, h. 1-11. Bangi : JuKu
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). ‘Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah’ dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Jilid Mei 2011, h.67-87. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasnah Mohamad. (2016). ‘Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Melalui Penggunaan Track Changes’ dalam Malaysia Journal Of Learning and Instruction. Jilid 2016, h. 135-159. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jaya Masir, M. Isham Embong & Sharifah Abd.Rahman. (2021). *Rujukan Komprehensif dan Efektif Bahasa Melayu Tingkatan 4&5 KSSM*. Selangor : Sasbadi Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3: Penyediaan Rekod Pengajaran Dan Pembelajaran. Kuala Lumpur : Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Standard 4 Pembelajaran dan Pemudahcaraan SKPMg2. Kuala Lumpur : Bahagian Kenaziran dan Jaminan Kualiti.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Format Pentaksiran Dan Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (Menengah Atas). Putrajaya : Bahagian Pendidikan guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Dokumen Syarat Pelantikan dan Kemudahan Untuk Guru Sandaran. Kuala Lumpur : Bahagian Sumber Manusia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2021). Dokumen Penjajaran Kurikulum Bahasa Melayu tingkatan 4. Kuala Lumpur : Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2021). Dokumen Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4. Kuala Lumpur : Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khairuddin Mohamad, Ibrahim Yusof & Zaridah Ramli. (2014). *Penyelidikan Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Khairuddin Mohamad, Maridah Alias & Faizah Shamsudin. (2015). *Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran Bahasa Melayu*. Selangor : Sasbadi Sdn. Bhd.
- Lai Lee Chung, Chin Hai Leng & Chew Fong Peng. (2017). 'Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat Dalam Penulisan Karangan Dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif Serta Pembelajaran Kolaboratif' dalam Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Bil 4. Isu 1. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Lee Keock, Cheong, Zakri Abdullah & Chua Lay Nee. (2018). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Maszuria A. Ghani, Salina Omar, Marina Abdul Majid & Rosnah A.Rajak. ( 2015). *Guru dan Cabaran Semasa*. Selangor : Pelangi Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Noorzailiza Zainal Abidin, Rozita Radhiah Said, Azhar Md. Sabil & Ahmad Fauzi M. Ayub. (2020). 'Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 Prosa Tradisional di Sekolah Menengah' dalam International Social And Humanities Journal. H. 67-80. Serdang : Universiti Putera Malaysia.
- Noriati A.Rashid, Boon Poong Ying & Sharifah Fakhriah S. Ahmad. (2017). *Murid dan Pembelajaran*. Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nurul Haida Redzuan, (2014). ' Modul 'Bijak Mengarang' Mempertingkatkan Kemahiran Menulis Karangan' dalam Jurnal Peradaban Melayu. Jilid 9 2014, h. 54-62. Tajung Malim : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurul Haida Redzuan, Normarini Norzan & Nur Nadzirah Amir. (2019). 'Bahan Kartun Dalam Karangan Bahasa Melayu ' dalam International Journal Of Heritage, Art And Multimedia. Jilid Disember 2019, h 1-11. Penerbit Global Academic Excellence.
- Ong Sze, Chong, Zamri Mahamod & M.Izham M. Hamzah. (2017) Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Melayu Negeri Sarawak : Satu Kajian Kes ' dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Jilid Mei 2017, h 93-108. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian. (2018). Model SILA FOCKes SINI, Mengajar Mengarang. Selangor : Univerisiti Putera Malaysia.
- Ruzlan Md. Ali, Fahanis M. Yusof & Fuziah Shaffie. (2018). *Pengumpulan Data Kualitatif dalam Penyelidikan*. Kual Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Ismail S. Mustapa & Ahmad Subki Miskon. (2015). *Guru dan Cabaran Semasa*. Selangor : Sasbadi Sdn. Bhd.
- Simarni Lapammu & Zamri Mahamod. (2018). ' Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Kesediaan Pelajar Tingkatan 4 Terhadap Penggunaan Pembelajaran Persekuturan Maya Vle Frog' Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu' dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Jilid Mei 2018, h 53-62. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Uzairah M. Tobi et al.,(2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu bual*. Kuala Lumpur : Aras Publisher Sdn. Bhd.
- Yahya Othman & Suzanawati PG.Osman. (2014). 'Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Pembelajaran Berasaskan Projek Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah' dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Jilid Mac 2014, h 19-29. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Ariffin & Hassan Noor. (2015). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Sam Synergy Sdn. Bhd.